

AKHBAR : SUMBERKINI

TARIKH : 18 JUN 2022

KERATAN AKHBAR

Eko-Pelancongan Topik Bengkel Agensi Negeri Selangor



PETALING JAYA: Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengadakan Bengkel Pelan Tindakan Pemutihan Premis Restoran dan Rumah Peranginan di Rizab Sungai dan Pantai/Laut pada Isnin (14 Jun 2022).

Menerusi hantaran di laman Facebook LUAS, Bengkel tersebut diadakan di Hotel De Palma Shah Alam dan dihadiri lebih kurang 60 peserta daripada pelbagai agensi teknikal berkaitan termasuk wakil-wakil daripada 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Sembilan Pejabat Daerah dan Tanah, UPEN, JPS, PTG Selangor, Jabatan Perhutanan, JPBD Selangor, Tourism Selangor dan wakil daripada pihak LUAS.

“Aktiviti eko-pelancongan merupakan satu aktiviti yang berpotensi memberikan pulangan yang positif kepada kerajaan negeri namun ianya perlu dikawal dan diuruskan dengan baik.

“Ini bagi mengelakkan kesan negatif terutamanya melibatkan sumber air dan alam sekitar,” katanya.

Menurut LUAS lagi, bengkel ini diadakan bagi membincangkan pematuhan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh semua agensi negeri kepada semua aktiviti dari premis, restoran dan rumah peranginan khususnya yang terletak di tebing sungai dan persisiran pantai.